

07 JUL 1999

MSC-DULUAN

KONSEP MSC JADI DULUAN BAGI YANG LAIN

CYBERJAYA, 7 Julai (Bernama) -- Malaysia, melalui Koridor Raya Multimedia (MSC), telah menepati dua ciri yang tidak wujud di kebanyakan negara Asia -- kreativiti dan kepemimpinan, kata seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Bob Bishop, pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation, memberitahu pemberita di sini hari ini Malaysia telah mempamerkan lebih keberanian dan kepemimpinan daripada negara-negara Asia yang lain melalui MSCnya.

Katanya MSC berbeza jika dibandingkan dengan teknologi yang wujud di negara-negara Asia seperti Singapura, Taiwan, Korea Selatan kerana negara-negara ini mencontohi Jepun, walaupun mereka tidak semestinya menggunakan rumusan yang sama.

Namun begitu, katanya, negara-negara ini tidak berupaya mengatasi negara-negara Barat dari segi teknologi disebabkan oleh ketiadaan dua ciri yang disebutkan tadi.

Apabila negara-negara Asia boleh memberi tumpuan kepada kedua-dua ciri ini, termasuk keberanian dan tindakan berisiko, kata beliau mereka boleh mengatasi Barat kerana mereka telahpun mempunyai bakat dan daya pemikiran.

Di Malaysia, kualiti-kualiti ini telahpun terserlah daripada keberanian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MSC merupakan bukti wawasan beliau yang, apabila berjaya kelak, akan menjadi duluan bagi yang lain.

Katanya kekuatan Amerika Syarikat terletak pada kreativiti, kepemimpinan dan kebolehannya menangani pendapat-pendapat yang bercanggah. Begitu juga, kejayaan Lembah Silikon terletak pada keupayaannya untuk menangani konflik, percanggahan dan kekaburan.

Tetapi MSC bukanlah merupakan replika mudah Lembah Silikon kerana Lembah Silikon dimajukan 50-60 tahun dahulu dan profilnya bersifat multi-industri.

Bishop berkata MSC adalah proses pembangunan yang dipercepatkan dan dicipta secara tiruan daripada sebuah pelan, dengan demikian titik permulaannya berbeza dengan Lembah Silikon.

Menyentuh tentang kemajuan yang dicapai MSC, beliau melahirkan rasa hairan bahawa keutamaan dan tumpuan terhadap MSC kekal walaupun krisis ekonomi melanda.

Katanya terdapat kemajuan sebenar dalam erti kata bahawa kini telah wujud 228 syarikat bertaraf MSC yang terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional (MTN) dan hampir 200 industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

"Jika MSC hanya dipenuhi oleh MTN, ia akan gagal, tetapi adunan IKS dan MTN mewujudkan keseimbangan yang amat penting itu," katanya.

"Semuanya bergerak lebih awal daripada dijadualkan. MSC dijangka membawa kita ke masa hadapan dan merupakan cara untuk menarik Asia keluar daripada krisis," tambah beliau.

-- BERNAMA

SHO KY MA